



## **Anwar pengerusikan mesyuarat pertama kaji skim perkhidmatan, saraan penjawat awam**

Astro Awani

Julai 13, 2023 19:29 MYT

PUTRAJAYA: Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim akan mempengerusikan mesyuarat pertama bagi mengkaji keseluruhan skim perkhidmatan dan saraan penjawat awam dalam masa terdekat.

Beliau berkata mesyuarat tersebut akan diadakan sebelum enam Pilihan Raya Negeri (PRN) yang akan diadakan pada 12 Ogos ini.

Anwar mengakui selepas lebih 10 tahun, belum ada jawatankuasa yang dipengerusikan Perdana Menteri untuk mengkaji semula skim saraan penjawat awam.

"Saya mengakui dan selepas lebih 10 tahun, belum adapun jawatankuasa yang harus dipengerusikan Perdana Menteri untuk mengkaji semula skim saraan penjawat awam.

"Jadi, insya-Allah dalam satu atau dua minggu ini, saya akan mempengerusikan mesyuarat pertama bersama Ketua Setiausaha Negara dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam untuk meneliti keseluruhan skim perkhidmatan dan saraan penjawat awam," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Program Cakna MADANI Perdana Menteri Bersama Agensi Penguatkuasaan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) pada Khamis.

Program tersebut turut hadir Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail; Menteri Pengangkutan, Anthony Loke dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali.

Anwar memberitahu, beliau akan mencadangkan agar peningkatan berperingkat dilaksanakan bersesuaian kedudukan kewangan negara.

Beliau juga memberi jaminan akan memberikan yang terbaik, munasabah dan adil demi kesejahteraan penjawat awam di negara ini.